

## KENYATAAN RASMI ULTRACROCS BERKENAAN ISU “TERIMA KASIH DAULAT TUANKU”

1. Ultracroc wujud dari tahun 2005 kerana terasa ada “vakum” dalam memberi sokongan kepada pasukan Sarawak.
2. Wujud dari threading forum, berpindah ke forum, berpindah ke portal, dan sekarang berpindah ke Facebook dan Twitter; Ultracroc telah melihat segalanya dalam bola sepak Sarawak.
3. Segalanya dalam bola sepak Sarawak dari the highs of Captain Gulzar, the lows of sik begaji sampey 6 bulan, and kinek tok the highs of the invicibles. Tetapi apa yang berlaku malam 19 Oktober benar benar mengecewakan Ultracroc.
4. Ultracroc dihubungi wakil FAS untuk mengumpul nama bagi mencari jumlah penyokong yang ingin ke Kuantan bagi menyaksikan separuh akhir pusingan pertama.
5. Pada 6 Oktober 2013, kami membuat pengumuman yang kami MENGUMPUL nama untuk yang berminat ke Kuantan. Kami tidak menguruskan pembelian, kami tidak uruskan pengangkutan. Kami hanya MENGUMPUL nama yang berminat kerana pihak FAS inginkan anggaran berapa peminat yang akan ke Kuantan
6. Hasil kerjasama beberapa page lain jumlah nama yang dikumpul oleh Ultracroc pada masa itu menghampiri 500 orang.
7. Kami juga menghubungi wakil PBNP; Encik Fuzzemi. dan meminta “block” booking sebanyak 500 tiket. Kami yakinkan kepada Encik Fuzzemi tiada masalah untuk kami jelaskan bayaran dan kami akan ke Kuantan sendiri untuk mengutip 500 tiket tersebut.
8. Kami diberitahu oleh Encik Fuzzemi; atas arahan Tengku Muda Pahang, hanya 300 tiket akan dikhaskan buat penyokong Sarawak. Wakil FAS juga menghubungi kami dan mengulang fakta yang sama bahawasanya hanya 300 tiket dikhaskan untuk peminat Sarawak.
9. Pada 11 Oktober 2013, secara rasmi kami mengumumkan melalui Facebook yang pihak kami tidak dapat mengusahakan tiket buat yang memberi nama. Kami hubungi setiap seorang yang memberi nama melalui PM terutama yang cuba mengaturkan konvoi berbas ke Kuantan.
10. Pada 12 Oktober 2013, Saudra Ahmad Fikri wakil dari Sarawak Football menghubungi kami dan bertanyakan minat kami untuk mendapatkan tiket lagi. Kerana terdapat beberapa pihak yang masih berharap bantuan dari kami, kami pohon 30 tiket dari beliau.
11. Pada Sabtu 19 Oktober, kami berjaya mengumpul 30 peminat yang memesan tiket dari kami. Hasil rundingan dengan Ahmad Fikri beliau juga tidak pasti bagaimana 30 keping tiket boleh diagihkan kepada 30 orang peminat ini. Bagaimanapun kami sangat memuji tindakan Ahmad Fikri yang bersama kami sepanjang episod duka ini.

12. Tidak sekalipun Ahmad Fikri cuba dilihat melepas tangan dalam isu ini. Beliau sendiri pada akhirnya tidak dapat masuk ke stadium walaupun beliau mempunyai tiket untuk masuk. Sepanjang episod duka ini, Ahmad Fikri dilihat bersungguh - sungguh cuba membawa masuk KESEMUA peminat yang membeli tiket melalui beliau.

13. Pada kira - kira 745 malam, Ahmad Fikri mengajak kumpulan 30 orang peminat dan disertai anggota bas no 1 untuk bergerak masuk ke stadium melalui pintu 3.

14. Semasa berbaris melalui trak FRU, motosikal dan beberapa kenderaan lain, ternyata terdapat sedikit kekeliruan kerana tidak semua dari golongan 30 peminat bersama kami dapat masuk ke dalam stadium. Hanya peminat yang bertiket dari rombongan bas lain yang dapat masuk.

15. Ahmad Fikri cuba menyelesaikan kekalutan ini dengan berunding dengan pihak PBNP dan FAS. Diberitakan kepada kami ada satu bas lagi yang penumpangnya tidak bertiket lagi.

16. Kami cuba mengagihkan seberapa banyak tiket yang memang kami beli ekstra kepada 30 yang masih tidak bertiket ini. Antara tiket yang kami agihkan adalah tiket kami dan tiket backup kami sendiri.

17. Dari jumlah 30 ini, hanya 8 yang teritinggal tidak bertiket. Hasil rundingan Ahmad Fikri beliau memberi tahu bahawasanya sebanyak 100 peruntukan tiket dari PBNP telah dibatalkan pada pukul 630 petang, 19 Oktober.

18. Sedaya upaya kami berunding dengan pihak keselamatan dan komisioner perlawanan, hiba kami kecewakan 8 yang lain tidak dapat masuk.

19. Hasil tinjauan rambang pihak kami, ada dalam lebih kurang 60-70 lagi peminat Sarawak yang belegar legar di luar stadium. Mereka samada tidak bertiket ataupun tidak dapat masuk lagi kerana stadium telah penuh.

20. Selesai tamat perlawanan kami bergerak untuk masuk ke dalam stadium. Semasa kami masuk ke dalam stadium kami melihat kawasan penyokong Sarawak tengah berchanting TERIMA KASIH DAULAT TUANKU.

21. Kami merasa amat kecewa dan terkesan dengan tindakan ini lantas keluar dari stadium. Kami kecewa kerana tiada yang mahu membela nasib yang tidak dapat masuk ke stadium. Ada di kalangan mereka bekeluarga, gadis - gadis, dan juga adik - adik penuntut pertama kali terbang jauh untuk memberi sokongan buat pasukan Sarawak. Tidak nasib mereka ini harus dibela?

22. Kami juga mendapat makluman dari kalangan sahabat peminat Pahang yang mana ada kira - kira 1000 - 2000 peminat Pahang yang tidak dapat masuk ke dalam stadium akibat menjadi mangsa tiket palsu. Ini bukan kali pertama PBNP terlibat dengan isu tiket palsu. Ia terjadi juga

smeasa pelawanan Pahang menentang JDT beberapa bulan lepas. Ini juga kami rasakan menjadi faktor kepada kepadatan melampau di kawasan yang dikhaskan buat peminat Sarawak.

23. Ucapan terima kasih kepada PBNP kami lihat sebagai satu tindakan tidak wajar. Jangan lah kita terlalu hormatkan orang luar sehingga balow kita sendiri teraniya; “Kera di hutan disusukan, anak di rumah mati kelaparan”.

24. “Leave No Man Behind” itulah yang kami cuba tekankan dalam isu ini. Jika 60, 600, atau 6000 sekalipun di kalangan kita yang dinafikan hak untuk masuk ke dalam stadium, semacamsatu pembelaan perlu diwujudkan bagi mereka.

25. Kami tidak cuba menidakkan sumbangan dan usaha pihak GB13 dalam menyatukan sokongan buat pasukan Sarawak. Tanpa GB13 kami percaya tidak mungkin stadium kita berisi penuh dengan peminat pasukan Sarawak. Tanpga GB13 kami percaya penyokong pasukan Sarawak tidak akan mendapat penghormatan yang sewajarnya dari peminat bola sepak tempatan.

26. Kami Sarawak, Kamu Sarawak, Kita semua Sarawak. Kita sama - sama ingin melihat Sarawak kembali ke era kegemilangan. Sama - sama kita rasakan Sarawak terlalu lama dinafikan hak untuk begelar “SANG JUARA”. Tetapi kita sepatutnya menjaga kepentingan balow kita terlebih dahulu sebelum kita

27. Kami berharap kesemua pihak yang terlibat, terutamanya GB13 meletakkan pekara ini dibelakang kita. Bukan niat kami untuk menyingung perasaan mana - mana pihak. Kami hanya inginkan pembelaan kepada balow kita yang tidak dapat masuk ke dalam stadium.

28. Kita ada agenda lebih penting Sabtu ini bagi memastikan kita semua bertemu kembali di Shah Alam 3 November ini.

NGAP SAYOT  
ZULHARDY BIN MOHAMAD  
BIRO PENERANGAN ULTRACROCS